

Ulaskan Karya Pemilihan Kriteria Pekerja dengan Menggunakan Teknik Membuat Keputusan

Muhamad Azuan Mohamad Nasir^{1,*}, Norshahrizan Nordin^{1,2,3}, Wan Zuki Azman Wan Muhamad⁴, Ezekiel Anthony¹

¹Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Perlis, Malaysia

²Healthcare Management – Special Interest Group (HEM – SIG)

³Management of Technology – Special Interest Group (MoTEM – SIG)

⁴Institut Matematik Kejuruteraan, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Perlis, Malaysia

ABSTRAK

Kriteria pemilihan pekerja dengan menggunakan teknik membuat keputusan adalah untuk memastikan semua pemboleh ubah ciri-ciri pekerja adalah memenuhi tahap kualiti yang digariskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan lain-lain garis panduan pengurusan sumber manusia yang berkaitan. Semua kriteria pemilihan pekerja iaitu integriti, kecerdasan, mudah mesra, kecekalan diri dan kepimpinan akan dinilai dengan menggunakan teknik membuat keputusan yang hibrid yang terkini dan telah melalui proses ujilari ke atas sampel rawak yang telah dipilih.

Kata kunci: Ulaskan karya, kriteria, pemilihan pekerja.

1. PENGENALAN

Pengambilan dan pemilihan pekerja berkualiti merupakan fungsi paling mencabar dalam pengurusan sumber manusia. Cabaran ini makin ketara dengan perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan dan seterusnya kriteria pemilihan pekerja. Oleh itu, pelbagai kriteria ditetapkan oleh majikan dalam memastikan graduan yang diambil bekerja mempunyai kualiti yang diharapkan oleh mereka. Sistem pendidikan seharusnya mampu melahirkan graduan yang mantap dalam pelbagai disiplin ilmu, rohani, minda, emosi, interaksi adab dan etika selaras dengan hasrat negara untuk memantapkan lagi modal insan.

2. PERNYATAAN MASALAH

Masalah-masalah yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia juga merupakan penyebab kepada perubahan dilakukan terhadap kriteria pengambilan dan pemilihan pekerja. Herriot (1989) mendapati bahawa amalan tersebut semakin kritikal kerana walaupun firma dapat memilih pekerja yang berkualiti, mereka akhirnya meninggalkan organisasi dan menubuhkan perniagaan sendiri. Menurut Gatewood dan Field (1994), sebarang kesilapan yang berlaku dalam pengambilan dan pemilihan pekerja akan mengakibatkan peningkatan kos pengurusan, penurunan produktiviti dan menyebabkan moral pekerja menjadi rendah. Atas dasar inilah pengambilan dan pemilihan pekerja dijalankan dengan teliti dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Walau pun perubahan dilakukan oleh majikan terhadap kriteria pemilihan pekerja, namun ia tidak akan mengubah tujuan umum fungsi tersebut. Fungsi pengambilan dan pemilihan pekerja adalah untuk mencari pekerja yang terbaik dan bersesuaian dengan pekerjaan yang diberikan. Di samping itu pihak pengurusan atasan harus memastikan kuantiti dan kualiti sumber manusia dalam organisasi dapat menyokong misi, matlamat dan strategi organisasi.

* Emel penulis: azuannasir@studentmail.unimap.edu.my

3. KRITERIA PEMILIHAN PEKERJA

3.1 Integriti

Integriti merupakan ciri yang paling penting bukan sahaja untuk kejayaan dalam kehidupan tapi juga di tempat kerja. Tahap integriti pekerja boleh dinilai melalui sejauh mana mereka jujur dengan diri sendiri. Kebanyakan masa, mereka akan bersikap jujur dengan majikan dan rakan-rakan kerja jika mereka mampu bersikap jujur dengan diri sendiri. Dengan bersikap jujur dan amanah, anda dapat melihat perbezaan kualiti diri yang ketara berbanding pekerja-pekerja yang lain.

3.2 Kecerdasan

Berdasarkan kajian, tahap kecerdasan pekerja boleh menyumbang lebih 60 peratus daripada produktiviti mereka. Kecerdasan yang dimaksudkan adalah keupayaan pekerja untuk menetapkan keutamaan, merancang, menyelesaikan tugas yang diberi dan menyelesaikan masalah. Cara utama yang boleh dilihat oleh majikan tahap kecerdasan pekerja ialah melalui cara soalan yang ditanya. Seseorang pekerja boleh menunjukkan tahap kecerdasan dengan bertanyakan soalan dan mendengar jawapan yang baik.

3.3 Mudah Mesra

Majikan sering mencari pekerja yang mempunyai sikap yang ramah dan senang untuk bekerjasama. Tak kira lelaki atau perempuan, sesiapa yang mempunyai personaliti yang bagus akan sentiasa lebih berjaya dengan apa sahaja yang mereka buat. Anda kenalah ingat bahawa kerjasama adalah kunci kepada kejayaan.

3.4 Kecekalan Diri

Bukan sepanjang masa anda dapat elak daripada masalah di tempat kerja. Kecekalan diri bermaksud mempunyai keupayaan untuk bersabar apabila menghadapi saat-saat yang sukar di tempat kerja. Sifat ini oleh dilihat jelas oleh majikan ketika sesi temu duga. Jika pekerja kelihatan tenang ketika sesi temu duga, pekerja tersebut telah menunjukkan bahawa dia berkemungkinan besar akan mampu bersabar dan kekal tenang ketika berdepan dengan masalah atau krisis.

3.5 Kepimpinan

Kepimpinan dalam konteks ini adalah pekerja yang ingin dan sanggup menerima tanggungjawab untuk membuat keputusan. Ciri pekerja yang mempunyai sifat kepimpinan ialah mereka yang tidak suka memberi alasan apabila tidak tahu membuat kerja. Mereka akan cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah yang dibentangkan. Selalunya, pekerja seperti ini menunjukkan bahawa mereka bersedia untuk menjadi pemimpin dengan menawarkan diri untuk berusaha mencari strategi untuk mencapai matlamat organisasi.

4. PENERBITAN TERDAHULU

Muhamad Azuan Mohamad Nasir, Norharnila Rusli, Zaliman Sauli, Norshahrizan Nordin, Elly Nadia Elliazir, Penilaian Prestasi 360 Darjah: Persepsi Pentadbir Universiti Malaysia Perlis, Persidangan Nasional Pengurusan Sumber Manusia, 14 – 16 Oktober 2023, Hotel Adya, Pulau Langkawi, Kedah.